

**PENGAJIAN KITAB IHYA' 'ULUMIDDIN kali ke-25**  
**Surau An-Nur, Kampung Sungai Nyior, Trong.**  
**Kuliah Maghrib kali ke-109**

Ketahuiilah, bahawa sumber yang menimbulkan keserupaan ilmu yang tercela dengan ilmu syariat ialah penyelewengan nama-nama yang terpuji, penggantiannya dan pemindahannya dengan maksud-maksud yang merosakkan kepada pengertian-pengertian yang tidak dikehendaki oleh orang-orang soleh terdahulu.

laitu 5 perkataan :

1. Fiqh
2. Ilmu
3. Tauhid
4. Tazkir
5. Hikmah

Inilah nama-nama yang terpuji. Orang-orang yang bersifat dengan nama-nama tadi ialah orang-orang yang berkedudukan tinggi dalam agama.

Tetapi sekarang nama-nama itu sudah dialihkan kepada pengertian-pengertian yang tercela.

## **FIQH**

Pada masa pertama dahulu, adalah nama fiqh itu ditujukan kepada pengetahuan jalan akhirat, kepada mengenal penyakit jiwa yang halus-halus dan yang merosakkan amal, teguh pendirian dengan pandangan hina kepada dunia, sangat menuju perhatian kepada nikmat akhirat dan menekankan ketakutan kepada hati.

Ilmu yang menghasilkan peringatan dan penakutan, itulah fiqh namanya. Bukanlah fiqh itu mencabang-cabang soal talak, soal pembebasan perhambaan, li'an, pesanan barang dan sewa-menyewa. Yang demikian itu tidkalah membuahkkan peringatan dan penakutan. Bahkan apabila terus-menerus bergelumang dengan hal itu membawa kepada kasar hati, mencabut ketakutan dari hati, sebagaimana kita saksikan sekarang pada orang-orang yang menjurus demikian.

Dimaksudkan dengan fiqh ialah pengertian-pengertian keimanan, bukan mengeluarkan fatwa.

Demi umurku, sesungguhnya perkataan 'al-fiqh' dan 'al-fahm' menurut bahasa ialah dua nama dengan satu pengertian.

Lihatlah, adalah itu natijah tidak menghafal percabangan fatwa-fatwa dan atau natijah ketiadaan ilmu yang kami terangkan itu.

Ditanyakan kepada Sa'ad bin Ibrahim Az-Zuhri : "Siapakah antara penduduk Madinah yang lebih faqih?" Dia menjawab : "Yang lebih kuat taqwanya kepada Allah Ta'ala."

Dan taqwa adalah hasil daripada ilmu batin, bukan hasil daripada fatwa dan hukum.

Menurut Al-Hasan : "Sesungguhnya seseorang ahli fiqh itu zuhud di dunia, gemar ke akhirat, bermata hati kepada agama, kekal beribadah kepada Tuhannya, wara' mencegah dirinya daripada memperkatakan kehormatan orang Islam, yang memelihara dirinya daripada harta mereka, dan yang menasihati jamaah mereka."

Dalam keseluruhannya tadi, Al-Hasan tidak menyebut penghafal furu'-furu' fatwa.

Kerana ilmu batin itu tidak terang, dan melaksanakannya sukar. Dan memperoleh kedudukan dalam pemerintahan, kehakiman, kemegahan dan kekayaan itu sulit dengan ilmu batin, maka syaitan memperoleh jalan mengkhususkan nama 'fiqh' yang menjadi nama terpuji itu pada syariat.

## **ILMU**

Perkataan ini dipakai untuk pengetahuan mengenai zat, ayat-ayat dan perbuatan Allah Ta'ala terhadap hamba dan makhluk-Nya. Hinggakan ketika Umar r.a. meninggal dunia, berkatalah Ibnu Mas'ud r.a :  
"Sesungguhnya sudah mati 9/10 ilmu."

Perkataan "ilmu" itu dijadikan isim ma'rifah dengan Alif dan Lam menjadi "al-ilmu", lalu diberi penafsiran – "mengetahui tentang Allah SWT".

Kemudian diputarkan pula oleh mereka perkataan "al-ilmu" itu dengan pengkhususan. Hinggakan dalam banyak hal, diperkenalkan orang berilmu ialah orang yang asyik berdebat melawan musuh dalam masalah-masalah fiqh dan lainnya.

Orang-orang yang tidak berbuat begitu dan tidak menghabiskan waktunya untuk itu, dikira lemah dan tidak termasuk dalam kalangan orang berilmu.

Dan sekarang secara mutlak dipakai kepada orang yang tidak tahu sedikitpun ilmu agama, selain daripada pertemuan-pertemuan perdebatan dalam masalah-masalah khilafiah.

## TAUHID

Perkataan ini sekarang dipakai untuk menyusun kata-kata, mengetahui cara bertengkar, mengetahui jalan menjatuhkan lawan, sanggup mendesaknya dengan memperbanyakkan soalan, dapat membangkitkan keragu-raguan dan dapat menyusun dalil-dalil yang pasti. Hinggakan oleh golongan-golongannya sendiri memberinya gelaran 'ahli adil' dan 'ahli tauhid'.

Para ahli ilmu kalam disebut ulama tauhid, padahal seluruh apa yang khusus perbuatan ini, tidak terkenal sedikitpun pada masa pertama dari agama Islam. Bahkan sebahagian mereka sangat menentang terhadap orang yang membuka pintu pertengkaran dan perdebatan.

Yang melihat urusan seluruhnya adalah daripada Allah Ta'ala, penglihatan tanpa menoleh kepada sebab dan perantara. Maka ia tidak melihat kebajikan dan kejahatan seluruhnya melainkan daripada Allah Yang Maha Mulia.

Maka inilah tingkat yang mulia. Salah satu buahnya ialah tawakkal, sebagaimana akan diterangkan dalam kitab tawakkal.

Antara buahnya juga ialah meninggalkan pengaduan kepada makhluk, meninggalkan kemarahan kepada mereka, rela dan menyerah kepada hukum Allah Ta'ala.

Akan datang kitab tawakkal dan kitab tauhid dalil-dalil untuk itu.

Tauhid ialah satu mutiara yang bernilai tinggi, mempunyai dua kulit. Yang satu lebih jauh dari isinya dari yang lain. Lalu orang mengkhususkan nama tauhid itu kepada kulit dan membuat penjagaan kepada kulit itu, serta menyia-nyiakan isis secara keseluruhan.

## MAKLUMAN

Anda terlepas kuliah-kuliah syarah kitab Ihya' 'Ulumiddin yang lepas-lepas? Usah khuatir!

Semua siri kuliah kitab Ihya' 'Ulumiddin di surau ini boleh didengar semula di internet di:

1. Youtube (taipkan "syarah ihya").
2. Laman <http://syarahihya.blogspot.com/>
3. Laman AlMuttaqinTv bawah Yayasan Islam Kedah.

Sehingga kini sudah ada **145 fail** kuliah Syarah Ihya' 'Ulumiddin di internet (di Youtube). Setiap satunya sepanjang lebih kurang 8 minit. Terdapat 99 fail audio dan 39 fail video. Selamat mengambil manfaat.

## ISI-ISI PENTING KULIAH KALI INI

5 istilah yang sudah lari maksud asalnya :

1. Fiqh
2. Ilmu
3. Tauhid
4. Tazkir (Zikir)
5. Hikmah

Istilah 'fiqh' sudah berubah maksudnya kepada penelitian mendalam tentang hukum-hakam, kemahiran mengeluarkan fatwa dan seumpamanya.

Istilah 'fiqh' sudah digunakan untuk mendapatkan keuntungan<sup>2</sup> keduniaan seperti jawatan, pangkat, nama, harta, pengikut, pengaruh, nama dan lain-lain.

Istilah 'ilmu' juga sudah berubah maksudnya. Gelaran ilmuwan (ulama) diberikan kepada orang-orang yang mahir dalam perdebatan dan soal-soal khilafiah.

Istilah 'tauhid' juga sudah berubah maksudnya. Gelaran ulama tauhid diberikan kepada para ahli ilmu kalam. Padahal ilmu kalam itu hanyalah untuk menjaga kulit 'tauhid', belum isinya.

## IMBASAN KULIAH SEBELUM INI

Ilmu nujum ialah ilmu yang tercela kerana :

1. Ilmu nujum membawa kemelatan kepada kebanyakan orang.
2. Ia adalah tekaan semata-mata.
3. Ia ilmu yang sia-sia. Merugikan masa dan tenaga.

Fikiran manusia biasanya melihat perkara yang dekat, tak sampai melihat perkara yang hakikat.

Belajar biarlah mengikut urutan :

1. Belajar ilmu yang kasar<sup>2</sup>, barulah belajar ilmu yang halus<sup>2</sup>.
2. Belajar yang rendah<sup>2</sup>, barulah yang tinggi<sup>2</sup>.
3. Belajar yang mudah<sup>2</sup>, barulah yang susah<sup>2</sup>.
4. Belajar yang terang<sup>2</sup>, barulah yang tersembunyi.

Dalam ilmu agama, memang ada hal<sup>2</sup> yang rahsia, tetapi sementara sahaja, mengikut kemampuan diri murid menerimanya.

Ilmu kedokteran dan ta'bir mimpi adalah dibenarkan walaupun ia tekaan.

Kisah wanita jahil.

Ilmu banyak, umur kita singkat. Oleh itu bijaklah memilih ilmu.

